

Sungai Lembing dinaiki air, Kuantan siap sedia hadapi bah gelombang kedua

Pahang dilanda banjir lagi

Oleh LUQMAN HAKIM AB. RAHIM
luqmanhakim.rahim@kosmo.com.my

KUANTAN – Beberapa kawasan sekitar di pekan Sungai Lembing dekat sini mula dinaiki air sedalam satu meter selepas hujan lebat berterusan sejak kelmarin.



Banjir

Tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati, pekan Sungai Lembing menjadi kawasan pertama yang mula dilanda banjir ekoran paras air Sungai Lembing yang berada bersebelahan dengan pekan kecil itu naik secara mendadak.

Trak yang membawa anggota tentera dari Kem Batu 8, Sungai Lembing mula memasuki kawasan ditenggelami air untuk meninjau penempatan penduduk yang memerlukan bantuan.

Sekolah Kebangsaan Panching, Kuantan turut dinaiki air sehingga menenggelamkan keseluruhan padang bola.

Selain itu, Jalan Gambang-Kuantan juga mula ditenggelami air lebih satu meter sehingga menyebabkan pemandu tidak berani untuk menggunakan laluan tersebut.



TRAK yang membawa anggota tentera meninjau kawasan yang dinaiki air di pekan Sungai Lembing, Kuantan semalam.

Para peniaga turut menutup kedai masing-masing apabila jalan utama di pekan tersebut digenangi air sehingga ke paras lutut sejak pukul 2.30 petang.

Penduduk mula bersiap sedia untuk berpindah ke pusat pemindahan banjir yang berdekatan menjelang tengah malam jika paras air sungai terus meningkat.

Bagaimanapun, rumah seorang penduduk, Selamah Mohammad, 63, yang berada bersebelahan de-

ngan Sungai Lembing sudah mula dimasuki air sejak petang semalam, biarpun parasnya hanya menecah buku lali.

Ketika ditemui, Selamah yang sedang membersihkan rumah bersama ahli keluarga lain berkata, siren amaran sebanyak dua kali sudah dibunyikan pada pukul 2 petang apabila paras air Sungai Lembing yang berada di belakang rumahnya naik secara mendadak.

Seorang penduduk, Abdul Latif



SEORANG penduduk melihat air Sungai Lembing yang semakin meningkat dan deras ekoran hujan lebat.

Sulaiman, 57, pula memberitahu, kawasan Sungai Lembing sangat mudah dinaiki air kerana berada berdekatan dengan sungai, namun ia cepat surut jika hujan berhent.

“Kami di sini akan terus berjaga-jaga kerana jika hujan berterusan, memang pasti paras air Sungai Lembing akan naik dan melimpah,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Mu-

hammad Safian Ismail meminta penduduk supaya mematuhi arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa, terutamanya di kawasan berisiko dilanda banjir berikutan keadaan hujan berterusan sejak semalam di beberapa daerah.

Menurutnya, gelombang pertama banjir pada 4 Disember lalu telah berlalu, manakala gelombang kedua yang dijangka pada akhir berlaku sebelum sambutan Tahun Baru Cina nanti.